

Azman Shah dilantik pegang dua jawatan penting antarabangsa

PRESIDEN Persekutuan Majikan Malaysia (MEF), Datuk Azman Shah Haron yang dilantik sebagai Presiden Pertubuhan Majikan Antarabangsa (IOE) pada mesyuarat agung pertubuhan itu di Geneva, Switzerland kelmarin, semalam dilantik pula sebagai Pengerusi Konfederasi Majikan Asia Pasifik (CAPE) pada mesyuarat agungnya.

Pelantikan Azman Shah memegang dua jawatan tertinggi pada peringkat antarabangsa itu adalah kali pertama dalam sejarah MEF menerajui pertubuhan majikan pada peringkat serantau dan antarabangsa secara serentak.

“Ia adalah satu pengiktirafan dan penghormatan besar kepada MEF untuk diberi kepercayaan dan keyakinan bagi menerajui IOE dan CAPE.”

“Komuniti majikan serantau dan antarabangsa memberi penghormatan kepada MEF dan Malaysia menerusi pengiktirafan besar ini,” katanya dalam kenyataan yang dikeluarkan

oleh MEF, semalam.

Susulan pelantikan baru itu, MEF juga akan mengambil alih sekretariat CAPE dan Pengarah Eksekutif MEF, Shamsuddin Bardan akan menjalankan tugas selaku Setiausaha Agung CAPE, manakala Naib Presiden MEF, A Ramadass dilantik sebagai Timbalan Bendahari CAPE.

Perlantikan itu juga adalah tambahan terhadap beberapa jawatan lain yang dipegang oleh MEF pada peringkat antarabangsa, termasuk Ramadass yang turut menjadi ahli majlis Pertubuhan Buruh Antarabangsa (ILO) bagi tempoh 2008 hingga 2011.

Ditubuhkan pada 2000, CAPE dianggotai oleh 21 ahli yang antaranya termasuk Dewan Perdagangan dan Industri Australia (ACCI), Persekutuan Majikan Bangladesh (BEF), Persekutuan Majikan dan Persatuan Perniagaan Kemboja (CAM-FEBA), Konfederasi Perniagaan China (CEC), Persekutuan Majikan Fiji (FEF), Majlis Majikan India (CIE) dan



“Ia adalah satu pengiktirafan dan penghormatan besar kepada MEF untuk diberi kepercayaan dan keyakinan bagi menerajui IOE dan CAPE”

Azman Shah Haron
Presiden Persekutuan Majikan Malaysia

Persatuan Majikan Indonesia (APINDO).

IOE yang ditubuhkan pada 1920 pula adalah satu-satunya persatuan yang diiktiraf pada peringkat antarabangsa bagi mewakili kepentingan perniagaan dalam aspek dasar pekerjaan dan sosial.

Ketika ini, IOE dianggotai 148 pertubuhan majikan kebangsaan daripada 141 negara.